

<b>Headline</b>	<b>KADA galak petani tanam kopi</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Pantai Timur)</b>		
<b>Date</b>	<b>22 May 2019</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>40,000</b>
<b>Page No</b>	<b>23</b>	<b>Readership</b>	<b>120,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>374 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>ROHANA ISMAIL</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 4,030</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 12,090</b>



# KADA galak petani tanam kopi

*Tanaman itu mendapat permintaan tinggi seluruh negara*

ROHANA ISMAIL

TUMPAT

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemulu (KADA) menggalakkan petani di negeri ini menceburii bidang tanaman kopi memandangkan industri ini berpotensi diusahakan secara komersial.

Pengerusi KADA, Datuk Husam Musa berkata, ia boleh dimulakan secara kecil-kecilan sebagai pendapatan sampingan petani.

Menurutnya, industri ini juga digalakkkan diusa-

hakan dalam skala besar kerana kopi mendapat permintaan tinggi seluruh dunia.

"Kita sudah ada pengilang dan outlet berjaya dan duanya adalah usahawan KADA tetapi kopinya diimport dari luar negeri.

"Dengan adanya tanaman kopi sendiri, kita boleh bekalkan kepada pengilang dan hasilkan kopi jenama sendiri yang boleh menebusi pasaran antarabangsa," katanya kepada pemberita pada Program Makan Colek di Lojing Coffee Kota Kubang Labu di sini malam semalam.

Husam berkata, sudah tiba masanya petani buka mata dan minda supaya tidak terlepas peluang perkembangan pesat industri kopi yang berkembang se-luruh dunia.

Menurutnya, sebagai



Husam (tengah) bersama pemilik Lojing Coffee, Wan Izzudin Wan Sulaiman (kiri) ketika melancarkan Kelab Kopi KADA di Lojing Coffee di Kampung Kota Kubang Labu, Wakaf Bharu.

galakkan petani di Kelantan menceburii tanaman kopi, pihaknya akan berbincang dengan pihak In-

stitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) atau Institut Penyelidikan Perhu-

tanam (FRIM) untuk membekalkan benih kopi selepas Aidilfitri ini.

"Saya bercadang beri

info

KADA akan perbincangan bersama FRIM untuk bekalkan benih kopi kepada petani

anak pokok kopi kepada petani untuk mereka tanam di halaman rumah dan tanam di kebun sebagai tanaman sampingan.

"Galakkan ini supaya negeri Kelantan mendahului negeri lain menceburii tanaman kopi.

"Kalau pergi ke kampung-kampung memang banyak pokok kopi ditanam tetapi tidak diusahakan.

"Bagi yang mahu mengusahakan tanaman kopi secara besar-besaran, boleh adakan perbincangan lanjut," katanya.